



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 14

JUN 2025

BULETIN APB

DIGITAL LEARNING

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Dari Buku ke Bot: Literasi AI Bukan Lagi Pilihan, Tapi Keperluan

MOHD AIZAT ABD HALIM
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN (PTAR)

Kecerdasan buatan (*Artificial Intelligent*) telah menjadi pemacu utama dalam transformasi digital global. Dalam konteks pendidikan, teknologi AI telah diintegrasikan dalam pelbagai aspek, termasuk pengajaran dan pembelajaran bahasa. Menurut kajian oleh Song & Song (2023), penggunaan aplikasi berasaskan AI seperti ChatGPT telah meningkatkan motivasi pelajar dalam penulisan dan menyokong kefahaman mereka terhadap struktur bahasa secara lebih berkesan. AI yang digunakan sebagai penjana teks, penterjemah automatik, dan pemprosesan bahasa semula jadi (Natural Language Processing, NLP) telah memperluas kaedah pembelajaran serta sumber yang boleh diakses oleh pelajar dan pensyarah. Perpustakaan sebagai institusi yang menyediakan sumber, perkhidmatan dan kepakaran maklumat, kini berhadapan dengan tanggungjawab baharu untuk mendekatkan teknologi AI kepada komuniti akademik.

AI telah membawa banyak kemudahan dalam aktiviti pembelajaran. Aplikasi seperti Grammarly, ChatGPT, Google Translate, dan Text-to-Speech telah menjadi alat bantu utama pelajar dalam menghasilkan, menganalisis dan menilai penggunaan bahasa. Teknologi NLP membolehkan analisis semantik teks dan pembetulan tata bahasa secara automatik. Namun, menurut Zhang & Hyland (2023), pelajar hanya mendapat manfaat maksimum daripada AI jika mereka mempunyai literasi digital yang mencukupi untuk mentafsir dan menggunakannya dengan kaedah yang betul.

Perpustakaan akademik hari ini telah memperluas koleksi mereka dengan menyediakan akses kepada pangkalan data linguistik, alat AI untuk analisis teks, dan sumber pembelajaran sendiri dalam talian. Hal ini menjadikan perpustakaan sebagai hab digital yang penting dalam menyokong pembelajaran dan penyelidikan secara sendiri dan berinovasi.

Dalam era digital, literasi maklumat tidak lagi terhad kepada keupayaan mencari dan menilai maklumat, tetapi turut merangkumi literasi AI – iaitu kefahaman tentang bagaimana AI berfungsi, batasanannya, serta penggunaannya secara beretika dan bertanggungjawab (Long & Magerko, 2020). Di sinilah peranan perpustakaan menjadi strategik.

Perpustakaan boleh menganjurkan bengkel literasi AI yang khusus kepada pelajar, seperti bengkel “Menulis Bersama AI”, “Etika Penggunaan AI dalam Penulisan Akademik” atau “Pemprosesan Bahasa Semula Jadi untuk Penyelidikan Linguistik”. Program ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal, malah membantu pelajar memahami implikasi epistemologi dan etika dalam penggunaan teknologi.





Antara bengkel dan kursus berkaitan AI yang dianjurkan perpustakaan dengan kerjasama ahli akademik

Salah satu kebimbangan utama penggunaan AI dalam penulisan ialah isu keaslian dan plagiarisme. AI mampu menjana teks yang menyerupai hasil kerja asli pelajar, sekali gus menimbulkan persoalan tentang keaslian idea dan integriti akademik (Cotton et al., 2024). Oleh itu, perpustakaan perlu memainkan peranan sebagai agen pendidikan dalam mempromosi etika penulisan.

Garis panduan penggunaan AI dalam penulisan akademik harus dibangunkan secara kolaboratif antara perpustakaan dan ahli akademik. Garis panduan ini boleh merangkumi aspek seperti pendedahan penggunaan AI dalam tugas, had penggunaan teknologi, serta bagaimana menyemak semula teks yang dijana oleh AI agar ia sejajar dengan objektif pembelajaran.

Perubahan landskap pendidikan kesan daripada AI memerlukan pendekatan kolaboratif. Perpustakaan perlu terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran melalui model *embedded librarianship*, model ini memerlukan pustakawan bekerjasama rapat dengan pensyarah dalam penyampaian kurikulum yang melibatkan penggunaan AI pihak ak. Kolaborasi ini boleh menjadikan perpustakaan sebagai pusat latihan AI, makmal sumber bahasa, dan tempat eksperimen literasi digital.

Kecerdasan buatan telah membuka peluang besar dalam dunia pendidikan, namun turut menuntut kefahaman baharu terhadap peranan perpustakaan sebagai pemudah cara teknologi dan penjaga etika akademik. Perpustakaan bukan sekadar penyedia maklumat, tetapi juga pemangkin kepada pembangunan literasi AI dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Dengan pendekatan yang inklusif dan strategik, perpustakaan boleh menjadi pemain utama dalam memastikan AI digunakan secara bijaksana untuk memperkasa proses pembelajaran.

Rujukan

- Cotton, D. R. E., Cotton, P. A., & Shipway, J. R. (2024). Chatting and cheating: Ensuring academic integrity in the era of ChatGPT. *Innovations in Education and Teaching International*, 61(2), 228–239. <https://doi.org/10.1080/14703297.2023.2190148>
- Long, D., & Magerko, B. (2020). What is AI Literacy? Competencies and Design Considerations. *Proceedings of the 2020 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems*, 1–16. <https://doi.org/10.1145/3313831.3376727>
- Shank, J. D., & Dewald, N. H. (2003). Establishing our presence in courseware: Adding library services to the virtual classroom. *Information Technology and Libraries*, 22(1), 38–43.
- Song, C., & Song, Y. (2023). Enhancing academic writing skills and motivation: assessing the efficacy of ChatGPT in AI-assisted language learning for EFL students. *Frontiers in Psychology*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1260843>
- Zhang, Z., & Hyland, K. (2023). The role of digital literacy in student engagement with automated writing evaluation (AWE) feedback on second language writing. *Computer Assisted Language Learning*, 1–26. <https://doi.org/10.1080/09588221.2023.2256815>